

UNIT 6: PENGGUNAAN SUMBER DAN MAKLUMAT YANG SAH

BACA NOTA DI BAWAH DENGAN TELITI DAN FAHAMKAN SEBELUM MENJAWAB SOALAN YANG DIBERIKAN.

REVISI

Etika Semasa Berkomunikasi dalam Siber

- Menggunakan kemudahan ICT untuk melakukan hal yang bermanfaat.
- Tidak memasuki sistem informasi orang lain.
- Tidak memberikan kata laluan kepada orang lain untuk masuk ke dalam sesebuah sistem.
- Tidak mengganggu atau merosakkan sistem informasi orang lain.
- Menggunakan alat ICT dengan bijaksana dan menjaganya dengan baik.
- Tidak menggunakan ICT dalam melakukan perbuatan yang melanggar hukum dan norma masyarakat.
- Sentiasa bersikap sopan dan santun walaupun tidak bertatap muka secara langsung.

Etika dan Undang-undang Siber

- Etika merujuk prinsip dan tatacara moral atau nilai-nilai akhlak, iaitu adab dan sopan santun yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia.
- Undang-undang siber merupakan satu komponen penting dalam undang-undang negara dan diperlukan untuk memacu pembangunan ICT dengan cara menangani ancaman dan salah guna terhadap sistem ICT.
- Perbezaan antara etika dengan undang-undang siber:

Etika	Undang-undang
- Garis panduan untuk pengguna siber - Tiada hukuman dikenakan - Dianggap tidak bermoral jika tidak mematuhi etika	- Peraturan untuk mengawal pengguna siber - Boleh dikenakan hukuman jika melanggar peraturan - Digelar penjenayah jika menyalahi undang-undang

- Tujuan undang-undang siber dibangunkan:
 - Sebagai panduan dan mengawal industri ICT daripada aktiviti tidak sah dari segi undang-undang atau aktiviti yang mendorong kepada perlakuan yang menyalahgunakan ICT.

Kepentingan Mematuhi Etika dan Undang-undang Siber

- Memupuk sikap saling menghormati.
- Menjamin keharmonian dan keamanan negara.
- Menjadi pengguna yang berhemah.
- Memperoleh maklumat yang tepat.

Kesan Penggunaan Internet Secara Tidak Beretika

- Kesan tindakan tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber:
 - menimbulkan perselisihan faham dan pergaduhan
 - menjejaskan maruah diri, keluarga dan maruah orang
 - menjejaskan perpaduan
 - menyebabkan keresauan, kemurungan dan tekanan perasaan


Contoh jenayah siber

- Jenayah penipuan melalui komputer dan biasanya bertujuan mendapatkan wang. Contohnya, penipuan e-mel, skim pelaburan, promosi jualan dan penipuan program.
- Jenayah yang melibatkan pelanggaran ke atas hak milik individu/syarikat yang dilindungi di bawah akta hak cipta. Contohnya, cetak rompak.
- Penggunaan tanpa kebenaran ke atas hak milik orang lain. Contohnya, pemindahan wang ke akaun yang salah, mendapatkan barangan atas talian tanpa bayaran, memasuki talian penghantaran data secara tidak sah.

Nilai

- Bertanggungjawab
- Harga diri
- Patriotisme
- Hemah tinggi
- Kesederhanaan

- 1) Lengkapkan peta pemikiran dibawah dengan etika semasa berkomunikasi dalam siber.



Modul PBD SP. 4.2.2 Menjabarkan etika dan undang-undang siber Pendidikan Moral Tingkatan 4 Unit 12
 Tarikh: _____
 Jilidman Buku Kerja: 125, 126

2. Terangkan perbezaan antara etika siber dengan undang-undang siber. (12)

(a) Definisi	Etika siber	Undang-undang siber

3. Nyatakan tujuan undang-undang siber.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____